



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

MISI MAFI PRIHATIN KE SABAH BAGI BANTU MANGSA BANJIR

BELURAN, 30 Jan -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) meneruskan Misi MAFI Prihatin ke Sabah bagi meringankan beban penduduk di negeri itu yang terjejas banjir khususnya membabitkan petani, penternak dan nelayan.

MAFI Prihatin di Sabah dimulakan di daerah Beluran yang disempurnakan oleh Menteri MAFI yang juga Ahli Parlimen Beluran Datuk Seri Dr Ronald Kiandee pada majlis penyerahan bantuan di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran di sini, hari ini.

Bantuan yang berupa keperluan makanan diserahkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Sabah melalui PPK Beluran dan diagihkan kepada 106 ahli PPK Beluran di Kampung Pinangkau, Sungai-Sungai dan Kelagan Jaya.

Penyampaian sumbangan bantuan banjir MAFI Prihatin merupakan tanggungjawab sosial MAFI yang mengumpulkan sumbangan keperluan asas makanan dari jabatan dan agensi di bawah MAFI antaranya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), LPP, Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, Sabah.

Pada majlis hari ini, Ronald turut menyampaikan replika kunci kenderaan pengangkutan pacuan empat roda iaitu Toyota Single Cab sempena Program Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRE) di bawah Program Peningkatan Mobilisasi Dan Logistik Bahan Makanan bernilai RM100,000 kepada PPK Beluran untuk kegunaan di lapangan.

Turut hadir, Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Labuk Samad Jambri.

Misi MAFI Prihatin dilancarkan pada 21 Januari lepas di Wisma Tani Putrajaya melibatkan penghantaran bantuan keperluan makanan, barangan peralatan elektrik dan kelengkapan asas ke empat kawasan parlimen di Pahang iaitu Lipis, Jerantut, Kuala Krau dan Maran.

**DISEDIAKAN OLEH:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
30 JANUARI 2021**

**PEGAWAI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT MAFI UNTUK
DIHUBUNGI :**

1. Abdul Taib Abdillah (018-9837990 / 03-88701383)

LAMPIRAN MAKLUMAT

1. Penerima Misi MAFI Prihatin Sabah di kawasan Beluran membabitkan 106 orang meliputi kawasan seperti berikut:
 - i. Unit Pinangkau seramai 33 orang
 - ii. Unit Sungai-Sungai seramai 38 orang
 - iii. Unit Kelagan Jaya seramai 35 orang

2. Jumlah sumbangan yang diterima bagi Misi MAFI Prihatin Sabah :

| LPP | Kuantiti/Orang (RM) | Jumlah Bilangan Mangsa Banjir |
|---------------------------------|--------------------------|-------------------------------------|
| Beras 10kg | Nilai RM50.00 seorang | Bilangan 106 orang mangsa banjir |
| Minyak masak 2kg | | |
| Tepung 2 pek (1kg/pek) | | |
| Gula 1kg | | |
| Mee Kuning 2 pek (250gm/pek) | | |
| Jumlah | RM5,300.00 | |

| IADA | Kuantiti | Jumlah |
|------------------------|----------------------------------|--------|
| Ikan Bilis (250gm/pek) | Bilangan 106 orang mangsa banjir | |
| Jumlah | RM1,000.00 | |

| FAMA | Kuantiti | Jumlah |
|---------------------|------------------------|-------------|
| Mineral 1.5L | 17 katon x 12 botol | 204 botol |
| Bihun 400 gm | 20 katon | 200 bungkus |
| Biskut Coklat | 8 katon x 24 + 8 pek | 200 bungkus |
| Seri Kaya Madu 28gm | 8 katon x 24 + 8 botol | 200 botol |
| Sardin 155gm | 4 katon | 200 tin |
| Mee Kuning Kering | 119 pek | 119 pack |
| Jumlah | RM3,000.00 | |

| MARDI | Kuantiti | Jumlah |
|----------------------|-------------------|---------|
| Mihun Bebola Segera | 14 katon | 330 pek |
| Roti Kering Marjerin | 15 katon x 20 | 300 pek |
| Jumlah | RM2,000.00 | |

| LKIM | Kuantiti | Jumlah |
|---------------|-------------------|------------|
| Beras 5kg | 106 kampil | 106 kampil |
| Jumlah | RM2,100.00 | |

| NAFAS | Kuantiti | Jumlah |
|---------------|--------------------|--------|
| Kit makanan | 106 | 106 |
| Jumlah | RM10,000.00 | |

| | | |
|---------------------------|--------------------|--|
| Jumlah Keseluruhan | RM23,400.00 | |
|---------------------------|--------------------|--|

